

Headline	FRIM, MTIB anjur Seminar Buluh Kebangsaan pada 18 dan 19 Sept ini		
MediaTitle	Utusan Borneo Sabah		
Date	03 Sep 2023	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	11,223
Page No	7	Readership	33,669
Language	Malay	ArticleSize	110 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 447
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,341



## FRIM, MTIB anjur Seminar Buluh Kebangsaan pada 18 dan 19 Sept ini

**KUALA LUMPUR:** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) akan menganjurkan Seminar Buluh Kebangsaan bersempena Hari Buluh Sedunia 2023 pada 18 dan 19 September ini, di Auditorium FRIM, Kepong.

FRIM dalam kenyataan semalam memaklumkan seminar itu akan menentang topik berkaitan penyelidikan dan pembangunan (R&D) industri buluh, meliputi aspek seperti penanaman dan pemuliharaan, pengawetan perabot, komposit, landskap, produk dan ekopelancongan.

“Sejak hampir sedekad lalu, agensi-agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Ber-

satu bersetuju menjadikan buluh sebagai tumbuhan yang mampu membantu memerangi perubahan iklim.

“Tumbesaran buluh yang pantas dapat menyerap karbon daripada atmosfera dengan lebih tinggi berbanding tumbuhan lain,” menurut kenyataan itu.

Menurut FRIM, batang buluh pula boleh dijadikan bahan untuk menghasilkan pelbagai produk dan penggunaan bahan buluh dalam produk merupakan satu cara terbaik untuk menyimpan karbon lebih lama dan mengelakkannya dilepaskan ke atmosfera.

Kajian terhadap buluh telah dilaksanakan seawal pertengahan 1980-an membabitkan pelbagai bidang penyelidikan termasuk taksonomi, taburan

pertumbuhan, penanaman, sifat fizikal dan mekanikal, rawatan serta penghasilan produk bernilai tambah.

“FRIM telah mencatat pelbagai kejayaan dalam R&D buluh serta menerima pelbagai anugerah baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa termasuk pendaftaran beberapa patent berkaitan buluh,” menurut kenyataan itu.

Selain itu, FRIM juga sedang menjalankan kajian komprehensif terhadap beberapa spesies buluh terpilih di bawah Projek Rancangan Malaysia Ke-12 yang tertumpu kepada pemilihan spesies, ketahanan terhadap serangan serangga perosak dan persekitaran luar, selain rawatan dan awetan.

Kajian itu juga menumpukan pada produk terjurutera, kemasan, pemasangan, sambungan dan reka bentuk, pulpa dan kertas, nanoselulosa serta produk biomas seperti pelet, karbon teraktif dan arang buluh.

Selain itu, FRIM turut menyediakan khidmat nasihat dan menganjurkan kursus dalam aspek pengendalian kaedah rawatan dan pengawetan buluh serta perkhidmatan ujian penentuan kandungan rambatan kering garam (CCA) dan kandungan boron, terhadap produk berasaskan buluh yang diawet.

Bagi mereka yang berminat untuk menyertai seminar tersebut, pendaftaran boleh dibuat pada pautan <https://me-qr.com/iOaUQqlq>. — Bernama